

CUTI BERSALIN

Cuti Bersalin merupakan tambahan cuti sakit yang diberikan kepada pegawai-pegawai wanita bagi persediaan dan tempoh pemulihan selepas bersalin.

SYARAT :

- a) Pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan tempoh Cuti Bersalin diantara 60 hingga 90 hari bagi setiap kelahiran.
- b) Maksimum Cuti Bersalin Bergaji Penuh sebanyak 360 hari dengan (5) lima kali kelahiran sepanjang perkhidmatan.
- c) Boleh diberikan 14 hari awal sebelum tarikh jangkaan bersalin melalui perakuan pegawai perubatan. Tempoh tersebut diambilkira dari keseluruhan cuti bersalin.
- d) Pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin Bergaji Penuh kurang daripada 90 hari, pegawai dikehendaki memenuhi tempoh cuti bersalin tersebut melalui turutan kemudahan seperti berikut:
 - i. Menghabiskan kesemua baki Cuti Bersalin Bergaji Penuh yang layak;
 - ii. Mengambil Cuti Rehat yang berkeelayakan; dan
 - iii. Menggunakan Kemudahan Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) sehari selepas tamat tempoh Cuti Bersalin Bergaji Penuh
- e) Bagi pegawai yang telah menggunakan kelayakan maksimum 300 hari kemudahan Cuti Bersalin Bergaji Penuh, pegawai boleh memohon cuti seperti kemudahan berikut:
 - i. Mengambil Cuti Rehat yang berkeelayakan mulai dari tarikh bersalin; dan
 - ii. Mengambil Cuti Bersalin Tanpa Gaji atau;
 - iii. Menggunakan Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) mulai dari tarikh bersalin
- f) Cuti Bersalin Tanpa Gaji yang diambil tidak akan menjejaskan kelayakan pegawai untuk menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C Tahun 1974.
- g) Pegawai yang telah melahirkan anak selepas 22 minggu sama ada bayi itu hidup atau meninggal dunia adalah layak diberi cuti bersalin.

- h) Pegawai yang bersalin dalam tempoh cuti tanpa gaji / separuh gaji tidak mengurangkan kelayakan kemudahan cuti bersalin.

PROSES KELULUSAN:

- a) Semakan : PSM PTJ
- b) Kelulusan : Ketua Jabatan

RUJUKAN :

- a) Perintah Am Bab 'C' 25 dan 26
- b) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1998
- c) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2009
- d) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 2010
- e) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2017